Perkhidmatan Maklumat Kumpulan

Peranan utama Perkhidmatan Maklumat Kumpulan ("IS Kumpulan") adalah penyediaan aplikasi perniagaan yang strategik serta infrastruktur yang kukuh dan boleh dipercayai dalam menyokong objektif strategik Kumpulan. Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam pembangunan sistem perbankan teras yang baru. Permudahan seni bina IT untuk menambahbaik kecekapan kos terus menjadi keutamaan, termasuk penyatuan sistem dengan entiti yang baru diperolehi.

AmHorizon, projek untuk menggantikan Enjin Teras AmBank, telah membuat kemajuan yang ketara. Pembinaan sistem teras dan hubungan antara muka dengan sistem huluan dan hiliran sebahagian besarnya telah selesai. Projek ini telah memasuki fasa ujian intensif pada akhir 2012 dan dijadual dilancarkan pada penghujung 2013.

Sistem perbankan teras baru ini akan memberikan Bank platform berskala dan teguh untuk pertumbuhan serta perkhidmatan pelanggan yang lebih baik dan inisiatif transformasi perniagaan.

Integrasi di Seluruh Kumpulan

Penyatuan sistem dengan entiti yang baru diperolehi untuk membolehkan integrasi proses dan data yang lebih baik adalah keutamaan penting dan kerancakan aktiviti penyatuan akan meningkat. Portal perusahaan pekerja baru kami, Connected, telah berjaya dilancarkan pada bulan Jun 2012.

Infrastruktur Teguh & Fleksibel

Kami sedang memudahkan seni bina kami dengan mengurangkan bilangan mesin fizikal di pusat-pusat data kami melalui penggunaan teknologi "pelayan maya" (asas kemunculan model "pengkomputeran awan" dalam industri IT). Lama kelamaan, ini akan menyebabkan pengurangan kos, mengurangkan masa penghantaran dan perubahan yang lebih cekap.

Kami merancang untuk memperbaharui dan menempatkan semula pusat data kami dalam tempoh beberapa tahun akan datang untuk menggabungkan integrasi pengambilalihan baru kami.

Pengurusan Risiko dan Pematuhan yang Berkesan

Kami telah mencapai pematuhan Piawaian Keselamatan Data Industri Kad Pembayaran ("PCI-DSS"), satu set garis panduan industri yang mentadbir keselamatan maklumat yang berkaitan dengan kad kredit. Kami akan terus mengekalkan piawaian ISO / IEC 27001:2005 bagi pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan akan memperluaskan skop perlindungannya dari masa ke semasa.

Meningkatkan Produktiviti dan Kecekapan

Untuk membantu perniagaan meningkatkan lagi kecekapan proses tertentu, Kumpulan IS akan menggerakkan aliran kerja dan keupayaan pengurusan dokumen. Satu lagi bidang yang baru muncul adalah aplikasi mudah alih. Strategi kami untuk memenuhi keperluan perniagaan dalam teknologi yang berkembang pesat adalah untuk memastikan bahawa penyelesaian adalah selamat, mudah digunakan dan menjimatkan kos dalam jangka masa panjang.

Selari dengan dengan projek AmHorizon, kami telah melabur dalam membangunkan Gudang Data Perusahaan yang akan menjadi sumber data yang boleh dipercayai untuk laporan pengurusan, risikan perniagaan dan analisis di seluruh Kumpulan.

Model Sokongan IT Kolaboratif Bertumpuan Proses

Kami sedang mengubah model sokongan IT kepada yang lebih bertumpuan proses, untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat di kalangan kakitangan daripada latar belakang teknikal yang berbeza. Ini akan membolehkan diagnosis masalah yang lebih cepat dan analisis impak perubahan, untuk perkhidmatan yang lebih baik kepada perniagaan.

Kami telah melancarkan Rangka Kerja Kompetensi Teknikal yang baru ditakrifkan untuk mengenal pasti peluang latihan dan pembangunan untuk kakitangan Kumpulan IS. Kakitangan kami akan lebih berupaya untuk menentukan kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi permintaan teknikal pekerjaan mereka yang semakin meningkat dan kemajuan dalam kerjaya.